

D.R. 2/2015

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMBIAYAAN
PERUMAHAN SEKTOR AWAM 2015**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENUBUHAN LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM

3. Penubuhan Lembaga
4. Peruntukan peletakhakan
5. Meterai perbadanan
6. Fungsi Lembaga
7. Kuasa Lembaga
8. Keanggotaan Lembaga
9. Tempoh jawatan
10. Elaun
11. Pembatalan dan peletakan jawatan
12. Mesyuarat dan tatacara Lembaga
13. Jawatankuasa
14. Pengosongan jawatan
15. Lembaga dan jawatankuasa boleh mengundang orang lain ke mesyuarat
16. Penzahiran kepentingan
17. Kesahan perbuatan dan prosiding

Rang Undang-Undang

BAHAGIAN III

PEKERJA LEMBAGA

Fasal

18. Ketua Pegawai Eksekutif
19. Pelantikan pekerja
20. Syarat-syarat perkhidmatan, kelakuan dan tata tertib

BAHAGIAN IV

KEMUDAHAN PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM

21. Dasar kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam
22. Peruntukan bagi kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam
23. Pemberian kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam
24. Kewajipan menyenggara rekod
25. Lembaga hendaklah bertanggungjawab bagi memungut dan mendapatkan bayaran balik kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam

BAHAGIAN V

PERUNTUKAN KEWANGAN

26. Kumpulan Wang
27. Perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang
28. Anggaran tahunan
29. Akaun bank
30. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980
31. Tatacara kewangan

BAHAGIAN VI

KUASA TAMBAHAN LEMBAGA

32. Kuasa untuk meminjam
33. Kuasa untuk melabur
34. Kuasa untuk menubuhkan atau mendapatkan perbadanan

BAHAGIAN VII

AM

Fasal

35. Perwakilan kuasa
36. Kuasa Menteri untuk memberikan arahan
37. Penyata, laporan, akaun dan maklumat lain
38. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
39. Pekhidmat awam
40. Perwakilan dalam prosiding sivil
41. Obligasi kerahsiaan
42. Perkara yang dilakukan pada menjangkakan Akta ini diperbuat
43. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

BAHAGIAN VIII

PEMANSUHAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN

44. Tafsiran
45. Pemansuhan Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971
46. Kecualian dan peralihan
47. Pemindahan dana

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk menubuhkan dan memperbadankan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam, mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan atau Bahagian yang berlainan Akta ini.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta yang dimansuhkan” ertinya Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 [*Akta 42*] yang dimansuhkan di bawah seksyen 45;

“harta” ertinya apa-apa harta alih atau tak alih dan termasuklah—

- (a) apa-apa hak, kepentingan, hakmilik, tuntutan, hak dalam tindakan, kuasa atau keistimewaan, sama ada pada masa sekarang atau pada masa hadapan, atau sama ada yang terletak hak atau kontingen, berhubung dengan apa-apa harta, atau yang selainnya mempunyai nilai;
- (b) apa-apa dokumen pemindahhakan yang disempurnakan bagi memindahhakan, menyerahhakan, menguntukkan, menyerahkan, atau selainnya memindahkan atau melupuskan harta jika orang yang menyempurnakan dokumen pemindahhakan itu ialah tuan punya atau pemilik, atau yang memperuntukkan bahawa dia berhak mendapat suatu hak kontingen, sama ada bagi keseluruhan atau sebahagian kepentingan itu;
- (c) apa-apa sekuriti, termasuk apa-apa saham, syer, debentur, bon, saham pinjaman, hak langganan boleh dipindahkan atau waran;
- (d) apa-apa surat cara boleh niaga, termasuk apa-apa wang kertas, nota pembawa, bil Perbendaharaan, waran dividen, bil pertukaran, nota janji hutang, cek dan perakuan deposit boleh niaga;
- (e) apa-apa gadai janji atau gadaian, sama ada di sisi undang-undang atau ekuiti, jaminan, lien atau sandaran, sama ada sebenar atau konstruktif, surat hipotekasi atau resit amanah, tanggung rugi, aku janji atau cara lain bagi menjamin pembayaran atau pelepasan suatu hutang atau liabiliti, sama ada pada masa sekarang atau pada masa hadapan, atau sama ada yang terletak hak atau kontingen; dan
- (f) apa-apa harta ketara atau tak ketara lain;

“jawatankuasa” ertinya jawatankuasa Lembaga yang ditubuhkan di bawah seksyen 13;

“kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam” ertinya kemudahan yang diberikan oleh Lembaga kepada orang yang layak yang diluluskan;

“Ketua Pegawai Eksekutif” ertinya Ketua Pegawai Eksekutif yang dilantik di bawah seksyen 18 dan termasuklah pekerja Lembaga yang dilantik di bawah subseksyen 18(7) untuk bertindak sebagai Ketua Pegawai Eksekutif;

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Pembiayaan Perumahan Sektor Awam yang ditubuhkan di bawah seksyen 26;

“Lembaga” ertinya Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

“orang yang layak” ertinya mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen 23(3);

“orang yang layak yang diluluskan” ertinya orang yang layak yang permohonannya bagi kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam telah diluluskan oleh Lembaga;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Lembaga yang dilantik di bawah perenggan 8(1)(a) dan termasuklah Timbalan Pengerusi apabila dia menjalankan fungsi Pengerusi.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM

Penubuhan Lembaga

3. (1) Suatu pertubuhan perbadanan yang dikenali dengan nama “Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam” ditubuhkan.

(2) Lembaga hendaklah kekal turun-temurun dan mempunyai meterai perbadanan.

(3) Lembaga boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas namanya sendiri.

(4) Tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, Lembaga boleh, atas apa-apa terma yang difikirkannya patut—

- (a) membuat kontrak;
- (b) memperoleh, membeli, mengambil, memegang atau menikmati, mengikut mana-mana yang berkenaan, apa-apa jenis harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti; dan
- (c) menjual, memindahhakan, menyerahhakan, menyerahkan, memulangkan, menggadaikan, menggadai janji, mendemis, menyerahhakan semula, memindahkan, memajak atau selainnya melupuskan, atau membuat urusan mengenai, apa-apa harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti yang terletak hak pada Lembaga.

Peruntukan peletakhakan

4. (1) Tertakluk kepada Akta ini, Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan suatu tarikh peletakhakan dan pada tarikh itu semua harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti Kerajaan yang dinyatakan oleh Menteri dalam perintah itu yang berhubungan dengan pentadbiran pinjaman di bawah Akta yang dimansuhkan hendaklah, menurut kuasa Akta ini, dipindahkan kepada dan terletak hak pada Lembaga tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan.

(2) Tiap-tiap harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti yang dipindahkan kepada dan terletak hak pada Lembaga menurut kuasa subseksyen (1) hendaklah dipindahkan kepada dan terletak hak sedemikian pada Lembaga dengan hakmilik, harta benda atau kepentingan yang serupa dan dengan pemegangan yang serupa sebagaimana harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti itu terletak hak atau dipegang sebaik sebelum tarikh peletakhakan itu.

(3) Tiap-tiap hak dalam tindakan, hak, kepentingan, obligasi atau liabiliti yang terletak hak pada Lembaga menurut kuasa subseksyen (1) boleh, pada dan selepas tarikh peletakhakan,

dibawa guaman terhadapnya, didapatkan atau dikuatkuasakan oleh Lembaga atas namanya sendiri dan tidaklah perlu bagi Lembaga atau Kerajaan untuk memberikan notis—

- (a) kepada orang yang terikat dengan hak dalam tindakan itu mengenai; atau
- (b) kepada orang yang hak, kepentingan, obligasi atau liabilitinya tersentuh oleh,

peletakhakan yang dibuat di bawah subseksyen (1).

(4) Apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadap Kerajaan yang belum selesai yang berkaitan dengan apa-apa harta, hak, kepentingan, obligasi atau liabiliti yang dipindahkan kepada dan terletak hak pada Lembaga menurut kuasa subseksyen (1) boleh, pada dan selepas tarikh peletakhakan, diteruskan oleh atau terhadap Lembaga.

(5) Dalam hal hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti yang berbangkit di bawah apa-apa pinjaman yang terletak hak pada Lembaga pada tarikh peletakhakan, Lembaga boleh membuat apa-apa perjanjian atau perkiraan mengenai hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti itu dengan Kerajaan atau mana-mana orang lain.

(6) Jika menurut kuasa subseksyen (1) apa-apa harta dipindahkan kepada dan terletak hak pada Lembaga, peruntukan Bahagian Tiga Puluh Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56 tahun 1965*] hendaklah, bagi maksud melaksanakan pendaftaran bagi peletakhakan itu, terpakai bagi Lembaga.

(7) Pada dan selepas tarikh peletakhakan, apa-apa perjanjian, surat ikatan atau perkiraan lain yang berhubungan dengan apa-apa harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti yang dipindahkan kepada dan terletak hak pada Lembaga di bawah subseksyen (1) yang Kerajaan adalah pihak kepadanya sebaik sebelum tarikh peletakhakan itu, sama ada secara bertulis atau tidak, dan sama ada atau tidak daripada sesuatu jenis harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti di bawah perjanjian, surat ikatan atau apa-apa perkiraan lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang boleh diserahkan oleh Kerajaan, hendaklah mempunyai kuat kuasa seolah-olah Lembaga telah menjadi pihak kepada perjanjian, surat ikatan atau apa-apa perkiraan lain itu.

(8) Dalam seksyen ini, “tarikh peletakhakan” ertinya tarikh yang ditetapkan oleh Menteri di bawah subseksyen (1).

Meterai perbadanan

5. (1) Meterai perbadanan Lembaga hendaklah mempunyai suatu tanda sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga dan meterai itu boleh dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu oleh Lembaga sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Lembaga, suatu cap yang mengandungi perkataan “Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam” bolehlah digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai perbadanan Lembaga.

(3) Meterai perbadanan Lembaga hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi dan hendaklah disahkan oleh mana-mana dua orang anggota Lembaga yang diberi kuasa oleh Lembaga, atau oleh seorang anggota Lembaga dan Pengerusi.

(4) Semua surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai perbadanan dan disahkan mengikut subseksyen (3) hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan telah disempurnakan dengan sah.

(5) Meterai perbadanan Lembaga hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Fungsi Lembaga

6. Fungsi Lembaga adalah—

- (a) untuk menguruskan Kumpulan Wang dan mentadbir kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam mengikut peruntukan Akta ini;
- (b) untuk menasihati Menteri tentang perkara yang berhubungan dengan kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam; dan
- (c) untuk melakukan apa-apa perkara lain sebagaimana yang dikehendaki atau dibenarkan dibuat di bawah Akta ini.

Kuasa Lembaga

7. (1) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang perlu atau suai manfaat untuk atau yang berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), kuasa Lembaga hendaklah termasuk kuasa—

- (a) untuk menggunakan semua harta Lembaga mengikut apa-apa cara yang difikirkan suai manfaat oleh Lembaga termasuklah mendapatkan wang bagi maksud Kumpulan Wang dengan mensekuriti atau menggadai janji harta itu;
- (b) untuk bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan, mana-mana Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan, pihak berkuasa berkanun atau pertubuhan perbadanan bagi maksud melaksanakan fungsi Lembaga;
- (c) tertakluk kepada subseksyen (3), untuk mengenakan fi atau caj bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Lembaga;
- (d) untuk menghendaki pengemukaan maklumat oleh mana-mana orang untuk membantu Lembaga dalam pelaksanaan fungsinya;
- (e) untuk melantik ejen, penasihat termasuklah pakar, peguam bela dan peguam cara, jurubank dan perunding, dan orang lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga untuk membantu Lembaga dalam pelaksanaan fungsinya; dan
- (f) untuk memberikan pinjaman, biasiswa dan wang pendahuluan kepada pekerja Lembaga.

(3) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan fi dan caj yang boleh dikenakan oleh Lembaga.

Keanggotaan Lembaga

8. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Ketua Setiausaha Perbendaharaan sebagai Pengerusi;
- (b) Peguam Negara atau wakilnya;

- (c) Akauntan Negara atau wakilnya;
- (d) Ketua Pegawai Eksekutif yang menjadi anggota *ex-officio*;
- (e) tidak lebih daripada tiga orang anggota daripada kalangan pegawai perkhidmatan awam persekutuan yang hendaklah dilantik oleh Menteri; dan
- (f) tidak kurang daripada dua tetapi tidak lebih daripada empat orang anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Menteri.

(2) Anggota yang dilantik di bawah perenggan (1)(f) hendaklah orang yang layak dan sesuai daripada kalangan orang yang, pada pendapat Menteri, mempunyai kedudukan dan pengalaman dalam perbankan, atau perkara kewangan atau hal undang-undang.

(3) Dalam menentukan sama ada seseorang adalah orang yang layak dan sesuai bagi maksud subseksyen (2), Menteri hendaklah mengambil kira—

- (a) kejujuran yang tidak diragui, kecekapan dan kewajaran pertimbangan orang itu dalam memenuhi tanggungjawabnya sebagai anggota Lembaga; dan
- (b) ketekunan yang membolehkan orang itu memenuhi tanggungjawabnya sebagai anggota Lembaga.

(4) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (2), Menteri hendaklah mengambil kira penjalanan dan aktiviti perniagaan yang terdahulu orang itu dan, khususnya, apa-apa keterangan bahawa dia—

- (a) telah dikompaun atau dipertuduh atas, suatu kesalahan sama ada disabitkan atau sebaliknya, yang boleh dihukum dengan—
 - (i) pemenjaraan selama enam bulan atau lebih, sama ada hukuman pemenjaraan sahaja, atau sebagai ganti, atau sebagai tambahan kepada, suatu denda; atau
 - (ii) denda sebanyak sepuluh ribu ringgit atau lebih;

- (b) melanggar mana-mana peruntukan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang, pada pendapat Menteri, dimaksudkan bagi melindungi orang awam daripada kerugian kewangan yang disebabkan oleh kecurangan, ketidakcekapan atau amalan salah atau daripada kerugian kewangan yang disebabkan oleh kelakuan bankrap dipelantikan atau belum lepas; atau
- (c) terlibat dalam atau telah dikaitkan dengan, apa-apa amalan perniagaan atau selainnya berkelakuan dengan sedemikian cara yang menimbulkan keraguan terhadap kecekapan dan kewajaran pertimbangannya.

(5) Menteri hendaklah melantik Timbalan Pengerusi Lembaga daripada kalangan anggota yang dilantik di bawah perenggan (1)(b), (c) atau (e).

Tempoh jawatan

9. Tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, seseorang anggota Lembaga yang dilantik di bawah perenggan 8(1)(e) atau (f) hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, memegang jawatan bagi tempoh tidak melebihi dua tahun dan hendaklah layak dilantik semula bagi tempoh maksimum tiga penggal berturut-turut.

Elaun

10. Anggota Lembaga hendaklah dibayar elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Pembatalan dan peletakan jawatan

11. (1) Menteri boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan mana-mana anggota Lembaga yang dilantik di bawah perenggan 8(1)(e) atau (f).

(2) Mana-mana anggota Lembaga yang dilantik di bawah perenggan 8(1)(e) atau (f) boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberikan notis bertulis satu bulan kepada Menteri.

Mesyuarat dan tatacara Lembaga

12. (1) Lembaga hendaklah mengadakan mesyuaratnya sekurang-kurangnya dua kali setahun pada masa dan di tempat yang ditentukan oleh Pengerusi.

(2) Semua mesyuarat Lembaga hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi atau, semasa ketiadaan Pengerusi, Timbalan Pengerusi.

(3) Kuorum mesyuarat Lembaga ialah lima orang dan hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya—

(a) dua orang anggota Lembaga yang dilantik di bawah perenggan 8(1)(b), (c) atau (e), tidak termasuk Timbalan Pengerusi sekiranya mesyuarat dipengerusikan oleh Timbalan Pengerusi; dan

(b) seorang anggota Lembaga yang dilantik di bawah perenggan 8(1)(f).

(4) Keputusan Lembaga hendaklah diterima pakai melalui undi majoriti mudah anggota yang hadir dan mengundi, dan dalam hal bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.

(5) Apa-apa minit mesyuarat Lembaga hendaklah, jika ditandatangani sewajarnya oleh Pengerusi, diterima sebagai keterangan mengenai fakta yang dinyatakan dalam minit itu dalam mana-mana prosiding undang-undang dan tiap-tiap mesyuarat yang minitnya telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

(6) Lembaga hendaklah menyebabkan supaya minit semua mesyuaratnya disenggara dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(7) Sesuatu ketetapan dikira sebagai telah diluluskan—

(a) pada sesuatu mesyuarat Lembaga, sekiranya semua anggota Lembaga telah dimaklumkan mengenai ketetapan yang dicadangkan itu, atau usaha yang munasabah telah dibuat untuk memaklumkan semua anggota Lembaga mengenai ketetapan yang dicadangkan itu; atau

- (b) tanpa bermesyuarat, sekiranya semua anggota Lembaga menandakan persetujuan dengan ketetapan itu mengikut kaedah yang ditentukan oleh Lembaga.
- (8) Subseksyen (7) terpakai hanya jika Lembaga—
 - (a) memutuskan bahawa subseksyen itu terpakai; dan
 - (b) memutuskan kaedah yang dengannya anggota Lembaga boleh menandakan persetujuan dengan ketetapan itu.
- (9) Lembaga boleh menentukan tataranya sendiri.

Jawatankuasa

13. (1) Lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantu Lembaga dalam pelaksanaan fungsinya atau penjalanan kuasanya.

(2) Lembaga boleh memilih mana-mana anggota Lembaga atau mana-mana orang lain untuk menjadi pengerusi jawatankuasa.

(3) Anggota jawatankuasa boleh dilantik daripada kalangan anggota Lembaga atau mana-mana orang lain yang difikirkan layak oleh Lembaga.

(4) Seseorang anggota jawatankuasa yang bukan anggota Lembaga hendaklah memegang jawatan bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan oleh Lembaga dalam surat pelantikan anggota jawatankuasa itu dan hendaklah layak untuk dilantik semula.

(5) Lembaga boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan mana-mana anggota jawatankuasa yang bukan anggota Lembaga.

(6) Seseorang anggota jawatankuasa yang bukan anggota Lembaga boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberikan notis secara bertulis kepada Pengerusi.

(7) Lembaga boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah keanggotaan sesuatu jawatankuasa.

(8) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada masa dan di tempat yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa itu.

(9) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan supaya—

(a) minit semua mesyuaratnya disenggara dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan

(b) salinan minit semua mesyuaratnya dikemukakan kepada Lembaga dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan.

(10) Apa-apa minit mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah, sekiranya ditandatangani sewajarnya oleh pengerusi sesuatu jawatankuasa, diterima sebagai keterangan mengenai fakta yang dinyatakan dalam minit itu dalam mana-mana prosiding undang-undang, dan tiap-tiap mesyuarat yang minitnya telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

(11) Anggota jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(12) Sesuatu jawatankuasa boleh menentukan tatacaranya sendiri.

(13) Sesuatu jawatankuasa hendaklah tertakluk kepada, dan bertindak mengikut, apa-apa arahan yang diberikan kepada jawatankuasa oleh Lembaga.

Pengosongan jawatan

14. Jawatan seseorang anggota Lembaga yang dilantik di bawah perenggan 8(1)(e) atau (f) dan pelantikan anggota jawatankuasa yang bukan anggota Lembaga hendaklah menjadi kosong sekiranya—

(a) dia meninggal dunia;

(b) telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—

(i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

- (ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan, sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda, selama lebih daripada dua tahun;
- (c) dia menjadi tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajipannya;
- (d) dia menjadi bankrap;
- (e) dia menjadi ahli Dewan Negara atau Dewan Rakyat atau ahli mana-mana Dewan Undangan Negeri;
- (f) dia memegang apa-apa jawatan dalam parti politik;
- (g) berkenaan dengan anggota Lembaga, dia tidak menghadiri mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi, dan berkenaan dengan anggota jawatankuasa yang bukan anggota Lembaga, dia tidak menghadiri mesyuarat jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran pengerusi jawatankuasa itu;
- (h) berkenaan dengan anggota Lembaga, pelantikannya dibatalkan oleh Menteri, dan berkenaan dengan anggota jawatankuasa yang bukan anggota Lembaga, pelantikannya dibatalkan oleh Lembaga; atau
- (i) dia meletak jawatan.

Lembaga dan jawatankuasa boleh mengundang orang lain ke mesyuarat

15. (1) Lembaga dan jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Lembaga atau jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi maksud menasihati Lembaga dan jawatankuasa tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(2) Mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (1) boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Penzahiran kepentingan

16. (1) Seseorang anggota Lembaga atau jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mesyuarat Lembaga atau jawatankuasa yang mempunyai, secara langsung atau tidak langsung, apa-apa kepentingan berhubung dengan apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Lembaga atau jawatankuasa hendaklah menzahirkan kepada Lembaga atau jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, hakikat dan jenis kepentingannya itu.

(2) Penzahiran di bawah subseksyen (1) hendaklah dicatatkan dalam minit mesyuarat Lembaga atau jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Selepas penzahiran di bawah subseksyen (1), anggota Lembaga atau jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mesyuarat Lembaga atau jawatankuasa—

- (a) tidak boleh mengambil bahagian atau hadir dalam mana-mana pertimbangtelitian atau semasa pembuatan apa-apa keputusan Lembaga atau jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang berhubung dengan perkara itu; dan
- (b) tidak boleh dikira bagi maksud membentuk kuorum Lembaga atau jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam pertimbangtelitian atau semasa pembuatan apa-apa keputusan yang berhubung dengan perkara itu.

Kesahan perbuatan dan prosiding

17. Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang dijalankan di bawah Akta ini boleh dipersoal atas alasan bahawa—

- (a) terdapat apa-apa kekosongan dalam keanggotaan Lembaga atau jawatankuasa atau terdapat apa-apa kecacatan dalam penubuhan Lembaga atau jawatankuasa; atau
- (b) terdapat apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

BAHAGIAN III

PEKERJA LEMBAGA

Ketua Pegawai Eksekutif

18. (1) Lembaga hendaklah, dengan kelulusan Menteri, melantik Ketua Pegawai Eksekutif atas apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan wajar oleh Lembaga.

(2) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah seorang yang —

- (a) mempunyai kelayakan akademik dan pengalaman yang membolehkannya menunaikan tanggungjawabnya dengan memuaskan;
- (b) tidak pernah memegang sesuatu jawatan yang dipertanggungjawabkan dengan pengurusan sesuatu syarikat yang telah disabitkan atas kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis semasa tempoh jawatannya melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan atau keizininannya dan dia tidak dapat menghalang kesalahan itu;
- (c) tidak pernah memegang sesuatu jawatan yang dipertanggungjawabkan dengan pengurusan mana-mana syarikat yang semasa tempoh jawatannya —
 - (i) telah ingkar membayar apa-apa jumlah wang penghakiman terhadap syarikat itu;
 - (ii) telah menggantung pembayaran kepada atau telah membuat penyelesaian dengan, pemiutang-pemiutang syarikat itu; atau
 - (iii) telah dilantik berkenaan dengan harta syarikat itu seorang penerima atau pengurus;
- (d) bersedia bagi pekerjaan sepenuh masa, dan tidak boleh menjalankan apa-apa perniagaan atau pekerjaan lain, kecuali sebagai pengarah bukan eksekutif atau pemegang saham syarikat lain;

- (e) tidak pernah menimbulkan situasi percanggahan kepentingan dengan Lembaga, yang disebabkan oleh dirinya sendiri atau melalui saudaranya; dan
- (f) tidak pernah bertindak mengikut cara yang boleh menimbulkan keraguan terhadap kelayakannya untuk memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, atau bertindak dengan tidak mengambil kira secara terang-terangan kelakuan profesional yang sepatutnya.

(3) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mempunyai apa-apa kuasa dan kewajipan sebagaimana yang diberikan atau dipertanggungjawabkan atasnya oleh Lembaga.

(4) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertanggungjawab bagi keseluruhan pentadbiran dan pengurusan fungsi dan hal ehwal hari ke hari Lembaga.

(5) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mempunyai kawalan am ke atas pekerja Lembaga.

(6) Dalam menunaikan kewajipannya, Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertindak di bawah kuasa dan arahan am Lembaga.

(7) Tertakluk kepada subseksyen (8), Menteri boleh melantik secara sementara mana-mana pekerja Lembaga untuk bertindak sebagai Ketua Pegawai Eksekutif bagi tempoh semasa—

- (a) jawatan Ketua Pegawai Eksekutif kosong;
- (b) Ketua Pegawai Eksekutif tidak hadir bertugas atau tidak ada di Malaysia; atau
- (c) Ketua Pegawai Eksekutif, atas apa-apa sebab lain, tidak dapat melaksanakan kewajipan jawatannya.

(8) Lembaga hendaklah mendapatkan kelulusan Menteri sekiranya pelantikan di bawah subseksyen (7) adalah untuk tempoh lebih daripada enam bulan.

(9) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah merupakan seorang pekerja Lembaga.

(10) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah dibayar apa-apa saraan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri.

(11) Perenggan 14(a), (b), (c), (d), (e), (f), (g) dan (i) hendaklah terpakai bagi Ketua Pegawai Eksekutif.

Pelantikan pekerja

19. Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, melantik dan mengambil kerja apa-apa bilangan pekerja sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Lembaga bagi menjalankan maksud Akta ini.

Syarat-syarat perkhidmatan, kelakuan dan tata tertib

20. (1) Lembaga boleh menentukan syarat perkhidmatan pekerjaanya.

(2) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa tata tertib terhadap semua pekerjaanya dan hendaklah menjalankan kawalan tata tertib terhadap pekerja itu.

(3) Lembaga boleh menetapkan peraturan-peraturan untuk mengadakan peruntukan mengenai kelakuan dan tata tertib pekerjaanya.

(4) Peraturan-peraturan yang ditetapkan di bawah seksyen ini boleh termasuk—

(a) peruntukan bagi penubuhan jawatankuasa tata tertib yang sesuai dan tatacara yang perlu dipatuhi;

(b) peruntukan bagi penubuhan jawatankuasa rayuan tata tertib untuk mendengar rayuan terhadap keputusan jawatankuasa tata tertib dan tatacara yang perlu dipatuhi; dan

(c) peruntukan bagi—

(i) penahanan kerja dengan pengurangan gaji atau saraan lain; atau

(ii) penggantungan kerja tanpa gaji atau saraan lain, seseorang pekerja Lembaga sementara menunggu prosiding tata tertib selesai.

(5) Peraturan-peraturan yang ditetapkan di bawah seksyen ini boleh mewujudkan apa-apa kesalahan tata tertib dan mengadakan peruntukan mengenai apa-apa hukuman tata tertib yang difikirkan sesuai oleh Lembaga, dan hukuman yang diperuntukkan sedemikian boleh meliputi pembuangan kerja dan penurunan pangkat.

(6) Peraturan-peraturan yang ditetapkan di bawah seksyen ini hendaklah, dalam menetapkan tatacara untuk prosiding tata tertib, memberi pekerja Lembaga yang prosiding tata tertib diambil terhadapnya peluang untuk membuat representasi sebelum suatu keputusan dibuat oleh jawatankuasa tata tertib mengenai pertuduhan tata tertib yang dibuat terhadap pekerja itu.

BAHAGIAN IV

KEMUDAHAN PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM

Dasar kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam

21. Menteri boleh, setelah berunding dengan Lembaga, dari semasa ke semasa, membuat dasar mengenai kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam dan Lembaga hendaklah melaksanakan dasar itu.

Peruntukan bagi kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam

22. Lembaga hendaklah memastikan bahawa wang yang diperuntukkan dalam Kumpulan Wang bagi maksud kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam dalam setiap tahun kewangan adalah mencukupi untuk memenuhi permintaan orang yang layak yang diluluskan, dan wang yang diperuntukkan itu hendaklah diluluskan oleh Menteri.

Pemberian kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam

23. (1) Tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Menteri, kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam hendaklah diberikan kepada orang yang layak yang diluluskan bagi—

- (a) pembelian rumah kediaman yang telah siap;
- (b) pembinaan rumah kediaman dan, jika berkenaan, jalan masuk ke rumah kediaman itu, di atas tanah yang dimiliki oleh orang yang layak yang diluluskan dan tanah itu—
 - (i) adalah bebas daripada bebanan; atau
 - (ii) sedang dibiaya melalui kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam;
- (c) pembelian rumah kediaman yang sedang dibina;
- (d) pembelian tanah bagi maksud pembinaan rumah kediaman dan, jika berkenaan, jalan masuk ke rumah kediaman itu;
- (e) penyelesaian keseluruhan atau sebahagian daripada pinjaman sedia ada daripada bank atau institusi kewangan yang diambil bagi maksud membeli tanah, dengan atau tanpa rumah kediaman di atasnya, atau membina rumah kediaman dan jalan sebagai jalan masuk ke rumah kediaman, sebelum pemberian kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam; dan
- (f) pengubahsuaian rumah kediaman yang pembelian atau pembinaannya telah dibiaya atau diselesaikan melalui kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), “rumah kediaman” termasuklah sesuatu bangunan atau tenemen yang sepenuhnya atau sebahagian besarnya digunakan, dibina atau disesuaikan untuk kegunaan bagi kediaman manusia.

(3) Orang yang layak yang disebut dalam subseksyen (1) ialah—

- (a) anggota perkhidmatan awam yang disebut dalam Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan;
- (b) anggota pentadbiran Persekutuan atau Negeri sebagaimana yang ditakrifkan dalam Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan;
- (c) hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi;
- (d) seorang yang terus menjadi anggota Perkhidmatan Parlimen di bawah perenggan (e) Perkara 7 Akta Perlembagaan (Pindaan) 1992 [*Akta A837*];
- (e) anggota mana-mana satu Dewan Parlimen;
- (f) Yang Dipertua Dewan Rakyat;
- (g) anggota Dewan Undangan Negeri;
- (h) pekerja mana-mana badan berkanun atau pihak berkuasa tempatan;
- (i) tertakluk kepada subseksyen (5), suami atau isteri mana-mana orang yang telah meninggal dunia yang sebelum kematiannya adalah orang yang layak di bawah perenggan (a) hingga (h), sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri, atas syor Lembaga; dan
- (j) seseorang atau golongan orang yang dinyatakan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* atas syor Lembaga.

(4) Orang yang layak yang berhak memohon kemudahan pembiayaan perumahan daripada Kerajaan Negeri, badan berkanun atau pihak berkuasa tempatan yang mempunyai skim pembiayaan perumahannya sendiri tidak layak mendapat kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam.

(5) Amaun kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam yang diberikan kepada orang yang layak yang diluluskan di bawah perenggan (3)(i) tidak boleh melebihi amaun yang layak bagi orang yang meninggal dunia itu sebelum kematiannya.

(6) Tertakluk kepada Fasal (7) Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan, mana-mana orang yang layak yang pada masa yang sama memegang dua atau lebih kedudukan atau jawatan yang diperihalkan dalam subseksyen (3) layak memohon kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam berkenaan dengan satu kedudukan atau jawatan sahaja, dan orang yang layak yang diluluskan tidaklah layak memohon kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam yang lain berkenaan dengan apa-apa kedudukan atau jawatan lain yang dipegangnya kemudian.

(7) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (6) boleh ditafsirkan sebagai menghalang orang yang layak yang diluluskan daripada mendapat—

- (a) baki amaun kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam yang layak dipohon olehnya; atau
- (b) baki atau perbezaan amaun kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam yang layak dipohon olehnya akibat perubahan kedudukan atau jawatan.

Kewajipan menyenggara rekod

24. (1) Lembaga hendaklah menyimpan dan menyenggara atau menyebabkan disimpan atau disenggara suatu rekod mengenai segala kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam yang diberikan kepada orang yang layak yang diluluskan.

(2) Rekod yang disimpan dan disenggara di bawah subseksyen (1) hendaklah termasuk yang berikut:

- (a) butir-butir tentang orang yang layak yang diluluskan seperti nombor kad pengenalan, nama dan alamatnya;
- (b) amaun kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam yang diberikan kepada orang yang layak yang diluluskan, jadual pembayaran baliknya, amaun setiap bayaran balik yang dikehendaki dibuat, tarikh mula berkuat kuasa pembayaran balik dan rekod pembayaran balik;
- (c) sesalinan dokumen hakmilik keluaran bagi tanah yang berhubungan dengan kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam; dan
- (d) apa-apa butir lain yang difikirkan perlu oleh Lembaga.

Lembaga hendaklah bertanggungjawab bagi memungut dan mendapatkan bayaran balik kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam

25. (1) Lembaga hendaklah bertanggungjawab bagi memungut dan mendapatkan bayaran balik kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam yang diberikan kepada orang yang layak yang diluluskan.

(2) Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis, pemungutan bayaran balik kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam oleh Lembaga boleh dibuat melalui potongan gaji atau pencen dengan memberikan notis secara bertulis kepada majikan orang yang layak yang diluluskan mengenai pemotongan itu.

(3) Hendaklah menjadi kewajipan majikan orang yang layak yang diluluskan yang diberikan notis di bawah subseksyen (2) untuk memotong apa-apa amaun wang sebagaimana yang dimaklumkan oleh Lembaga, yang merupakan amaun bayaran balik bulanan kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam—

(a) daripada gaji orang yang layak yang diluluskan; atau

(b) sekiranya amaun kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam masih terhutang bilamana orang yang layak yang diluluskan bersara, daripada pencen orang yang layak yang diluluskan,

dan meremit amaun yang dipotong itu kepada Lembaga secara bulanan.

(4) Wang kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam yang tidak dibayar balik atau tertunggak hendaklah dikira sebagai suatu hutang sivil yang terhutang oleh orang yang layak yang diluluskan kepada Lembaga dan Lembaga boleh mengambil apa-apa tindakan di bawah mana-mana undang-undang yang terpakai untuk mendapatkan hutang itu.

(5) Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis, wang kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam yang tidak dibayar atau tertunggak boleh didapatkan melalui cara potongan

daripada gaji, pencen atau faedah persaraan lain orang yang layak yang diluluskan dan mendapat hak keutamaan daripada apa-apa potongan lain tetapi sebaik selepas potongan bagi—

- (a) apa-apa hutang yang kena dibayar dan terhutang oleh orang yang layak yang diluluskan kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri;
- (b) amaun cukai yang ditaksir di bawah mana-mana undang-undang bertulis; dan
- (c) semua amaun yang kena dibayar berkenaan dengan caruman yang kena dibayar di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan persaraan atau kumpulan wang simpanan pekerja atau di bawah mana-mana skim persaraan atau faedah persaraan yang merupakan suatu skim yang diluluskan di bawah undang-undang persekutuan yang berhubungan dengan cukai pendapatan.

(6) Bagi maksud pemotongan gaji, pencen atau faedah persaraan lain orang yang layak yang diluluskan di bawah subseksyen (5), Lembaga hendaklah memberikan notis secara bertulis tentang pemotongan itu kepada majikan orang yang layak yang diluluskan, dan hendaklah menjadi kewajipan majikan untuk memotong apa-apa amaun wang sebagaimana yang dimaklumkan oleh Lembaga, yang merupakan amaun kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam yang tidak dibayar balik atau tertunggak—

- (a) daripada gaji orang yang layak yang diluluskan; atau
- (b) sekiranya amaun kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam masih terhutang bilamana orang yang layak yang diluluskan bersara, daripada pencen atau faedah persaraan lain orang yang layak yang diluluskan,

dan meremit amaun yang dipotong itu kepada Lembaga.

(7) Dalam keadaan potongan gaji, pencen atau faedah persaraan lain orang yang layak yang diluluskan di bawah subseksyen (3) atau (6), mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak mencukupi, orang yang layak yang diluluskan hendaklah membayar perbezaan bayaran balik kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam, atau amaun kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam yang tidak dibayar balik atau tertunggak.

(8) Lembaga tidak boleh mengenakan apa-apa faedah atau caj tambahan terhadap orang yang layak yang diluluskan bagi apa-apa kelewatan yang disebabkan oleh majikan untuk membuat potongan di bawah subseksyen (3) dan (6).

BAHAGIAN V

PERUNTUKAN KEWANGAN

Kumpulan Wang

26. (1) Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Kumpulan Wang Pembiayaan Perumahan Sektor Awam” ditubuhkan dan hendaklah ditadbir dan dikawal oleh Lembaga.

(2) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—

- (a) wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa oleh Parlimen;
- (b) wang yang dipinjam oleh Lembaga di bawah seksyen 32;
- (c) wang kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam yang dibayar balik dari semasa ke semasa kepada Lembaga dan wang yang dari semasa ke semasa kena dibayar kepada Lembaga berkenaan dengan bayaran balik apa-apa kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam;
- (d) wang yang merupakan penyelesaian jumlah pokok apa-apa kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam dan faedah atau keuntungan atasnya yang perlu dibayar, mengikut mana-mana yang berkenaan, melainkan jika Lembaga membenarkan penyelesaian apa-apa wang itu kepada mana-mana orang menurut apa-apa perkiraan yang dibuat dengan orang itu yang dengan perkiraan itu apa-apa kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam, atau apa-apa hak atau kepentingan yang diperolehi atau berbangkit daripada pemberian apa-apa kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam, dijual, dilupuskan atau dipindahkan kepada orang itu;
- (e) wang yang diterima daripada penjualan atau penghasilan apa-apa kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam

atau apa-apa hak atau kepentingan yang diperoleh atau berbangkit daripada pemberian kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam, atau daripada atau menurut apa-apa perkiraan yang dibuat dengan mana-mana orang yang dengan perkiraan itu apa-apa kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam, atau apa-apa hak atau kepentingan yang diperoleh atau berbangkit daripada pemberian kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam, dijual, dilupuskan atau dipindahkan kepada orang itu;

- (f) fi dan caj yang dikenakan oleh atau kena dibayar kepada Lembaga;
- (g) wang yang diperoleh sebagai pendapatan daripada pelaburan oleh Lembaga di bawah seksyen 33;
- (h) wang yang diperoleh daripada penjualan, pelupusan, pajakan atau penyewaan, atau apa-apa urusan niaga lain mengenai, apa-apa harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti yang dipindahkan kepada, terletak hak pada atau diperoleh oleh Lembaga;
- (i) wang dan harta lain yang mengikut apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak pada Lembaga berkenaan dengan pelaksanaan fungsinya dan penjalanan kuasanya;
- (j) apa-apa kos yang dibayar kepada atau didapatkan oleh Lembaga dalam apa-apa penyelesaian tindakan atau prosiding, sivil atau jenayah; dan
- (k) wang dan harta yang diterima secara sah oleh Lembaga.

Perbelanjaan yang dipertanggungkan pada Kumpulan Wang

27. (1) Kumpulan Wang hendaklah digunakan bagi pemberian kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam kepada orang yang layak yang diluluskan.

(2) Kumpulan Wang boleh digunakan bagi maksud—

- (a) membayar balik apa-apa wang yang dipinjam di bawah seksyen 32;

- (b) menyelesaikan hutang, obligasi dan liabiliti yang dipindahkan kepada dan terletak hak pada Lembaga menurut seksyen 4;
- (c) membayar elaun dan belanja lain kepada anggota Lembaga dan jawatankuasa, dan mana-mana orang yang diundang ke mesyuarat Lembaga dan jawatankuasa;
- (d) membayar saraan, elaun dan belanja lain pekerja Lembaga, termasuklah pemberian pinjaman, biasiswa dan wang pendahuluan, faedah persaraan, faedah perubatan dan elaun lain;
- (e) pelaburan di bawah seksyen 33;
- (f) membayar belanja, kos atau perbelanjaan berhubung dengan pemerolehan barang dan perkhidmatan, termasuk pengambilan ejen dan penasihat, fi dan kos guaman serta fi dan kos lain yang ditanggung atau diterima dengan sewajarnya oleh Lembaga dalam pelaksanaan fungsinya dan penjalanan kuasanya;
- (g) membeli atau menyewa peralatan, jentera dan apa-apa bahan lain, mendapatkan tanah dan apa-apa harta, dan mendirikan bangunan, dan menjalankan apa-apa kerja dan pengusahaan lain dalam pelaksanaan fungsi Lembaga atau penjalanan kuasa Lembaga;
- (h) membayar belanja atau wang yang diperlukan untuk menunaikan apa-apa penghakiman, keputusan atau award oleh mana-mana mahkamah atau tribunal terhadap Lembaga, atau mana-mana anggota Lembaga atau jawatankuasa, atau mana-mana pekerja atau ejen Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan, kecuaiian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan dalam pelaksanaan fungsi Lembaga atau penjalanan kuasa Lembaga;
- (i) membayar belanja, perbelanjaan atau kos yang dilakukan atau ditanggung dengan sewajarnya dan perlu oleh Lembaga dalam memberikan kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam; dan
- (j) apa-apa belanja dan perbelanjaan lain yang dibenarkan oleh Akta ini atau apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, atau yang dilakukan dalam pelaksanaan fungsi Lembaga atau penjalanan kuasa Lembaga.

Anggaran tahunan

28. (1) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah, tidak lewat daripada satu bulan sebelum bermulanya setiap tahun kewangan, membentangkan di hadapan Lembaga suatu anggaran perbelanjaan Lembaga termasuk perbelanjaan modal bagi tahun yang berikutnya dalam apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa butir yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Sesalinan anggaran yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dihantar kepada setiap anggota Lembaga tidak lewat daripada empat belas hari sebelum mesyuarat untuk membentangkan anggaran itu diadakan.

Akaun bank

29. Lembaga hendaklah membuka dan menyenggara akaun atau akaun-akaun dengan mana-mana bank atau bank-bank sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga, dan tiap-tiap akaun itu hendaklah dikendalikan setakat yang dapat dilaksanakan dengan cek yang ditandatangani oleh mana-mana orang yang, dari semasa ke semasa, diberi kuasa oleh Lembaga.

Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980

30. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] hendaklah terpakai bagi Lembaga.

Tatacara kewangan

31. Tertakluk kepada seksyen 30, Lembaga hendaklah menentukan tatacara kewangannya sendiri dan boleh menerima pakai dengan apa-apa ubah suaian yang difikirkannya patut apa-apa peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, dasar, pekeliling dan arahan yang dibuat atau dikeluarkan oleh Kerajaan mengenai tatacara kewangan.

BAHAGIAN VI

KUASA TAMBAHAN LEMBAGA

Kuasa untuk meminjam

32. Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri terlebih dahulu, meminjam, pada apa-apa kadar faedah dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma tentang masa dan kaedah pembayaran balik dan selainnya sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri, apa-apa wang yang diperlukan oleh Lembaga bagi memenuhi mana-mana obligasinya atau melaksanakan mana-mana fungsinya.

Kuasa untuk melabur

33. Kumpulan Wang boleh, setakat yang tidak dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Lembaga di bawah Akta ini, dilaburkan dengan kelulusan Menteri, mengikut cara yang berikut:

(a) dengan menyimpan di—

- (i) Bank Negara Malaysia;
- (ii) bank berlesen atau bank pelaburan berlesen yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*]; atau
- (iii) bank Islam berlesen yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*] tetapi tidak termasuk bank Islam antarabangsa berlesen; dan

(b) dengan melabur dalam—

- (i) sekuriti yang diterbitkan oleh Kerajaan;
- (ii) sekuriti yang dijamin sepenuhnya oleh Kerajaan;
- (iii) sekuriti yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia; atau
- (iv) sekuriti yang dijamin sepenuhnya oleh Bank Negara Malaysia.

Kuasa untuk menubuhkan atau mendapatkan perbadanan

34. Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, menubuhkan atau mendapatkan apa-apa perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dan Akta Syarikat Amanah 1949 [*Akta 100*] yang perlu bagi maksud mendapatkan dana, dengan syarat bahawa perbadanan yang ditubuhkan atau didapatkan oleh Lembaga sedemikian dilarang daripada menubuhkan subsidiari perbadanan.

BAHAGIAN VII

AM

Pewakilan kuasa

35. (1) Lembaga boleh, secara bertulis, mewakilkan mana-mana fungsi dan kuasanya, selain kuasanya untuk meminjam wang dan mendapatkan dana di bawah Akta ini kepada—

(a) Pengerusi atau anggota Lembaga yang lain;

(b) suatu jawatankuasa; atau

(c) seorang pekerja Lembaga.

(2) Pengerusi, anggota Lembaga yang lain, jawatankuasa atau pekerja Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang diwakilkan dengan mana-mana fungsi atau kuasa hendaklah terikat untuk mematuhi dan mengambil kira segala syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Lembaga dan segala kehendak, tatacara dan perkara yang dinyatakan oleh Lembaga.

(3) Mana-mana fungsi atau kuasa yang diwakilkan di bawah seksyen ini hendaklah dilaksanakan dan dijalankan atas nama dan bagi pihak Lembaga.

(4) Pewakilan di bawah seksyen ini tidak menghalang Lembaga daripada melaksanakan atau menjalankan sendiri mana-mana fungsi atau kuasa yang diwakilkan itu pada bila-bila masa.

Kuasa Menteri untuk memberikan arahan

36. Menteri boleh memberi Lembaga arahan yang bersifat am yang selaras dengan Akta ini yang berhubungan dengan pelaksanaan fungsi dan penjalanan kuasa Lembaga dan Lembaga hendaklah melaksanakan arahan itu.

Penyata, laporan, akaun dan maklumat lain

37. (1) Lembaga hendaklah memberi Menteri apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat lain yang dikehendaki oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(2) Penyata, laporan, akaun dan maklumat lain itu hendaklah dalam apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa butir yang berhubungan dengan prosiding dan dasar Lembaga dan apa-apa perkara lain yang dinyatakan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

38. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga, mana-mana anggota Lembaga atau jawatankuasa, atau mana-mana pekerja Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan, kecuaiian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan atau apa-apa peninggalan olehnya dengan suci hati, atas sifat sedemikian.

Pekhidmat awam

39. Semua anggota Lembaga dan jawatankuasa dan pekerja Lembaga, semasa menunaikan kewajipan mereka di bawah Akta ini, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Pewakilan dalam prosiding sivil

40. Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang lain—

(a) dalam mana-mana prosiding sivil oleh atau terhadap Lembaga; atau

- (b) dalam mana-mana prosiding sivil yang lain yang dalamnya Lembaga dikehendaki atau dibenarkan oleh mahkamah untuk diwakili, atau untuk didengar, atau selainnya berhak untuk diwakili atau untuk didengar,

mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Lembaga bagi maksud itu boleh, bagi pihak Lembaga, memulakan prosiding sedemikian atau hadir dalam prosiding itu dan boleh membuat semua kehadiran dan permohonan dan melakukan segala perbuatan yang berkenaan dengan prosiding itu bagi pihak Lembaga.

Obligasi kerahsiaan

41. (1) Kecuali bagi maksud Akta ini atau apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika selainnya dibenarkan oleh Lembaga, tiada anggota Lembaga atau jawatankuasa, atau mana-mana pekerja atau ejen Lembaga, atau mana-mana orang yang menghadiri mana-mana mesyuarat Lembaga atau jawatankuasa, atau mana-mana orang lain yang atas apa-apa sebab mempunyai, melalui apa-apa cara, akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal Lembaga boleh memberikan, membuka, mendedahkan atau selainnya menzahirkan maklumat atau dokumen itu kepada mana-mana orang.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Perkara yang dilakukan pada menjangkakan Akta ini diperbuat

42. Segala perbuatan dan perkara yang dilakukan bagi pihak Lembaga sebagai persediaan bagi atau pada menjangkakan pembuatan Akta ini dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya hendaklah disifatkan telah dibenarkan di bawah Akta ini, dengan syarat bahawa perbuatan dan perkara yang dilakukan itu adalah selaras dengan niat dan maksud am Akta ini; dan segala hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti yang diperoleh atau ditanggung akibat pelakuan perbuatan atau perkara itu termasuk apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya hendaklah apabila Akta ini mula berkuat kuasa disifatkan sebagai hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti Lembaga.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

43. Menteri boleh, dengan syor Lembaga, membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang perlu atau suai manfaat bagi maksud menjalankan peruntukan Akta ini.

BAHAGIAN VIII**PEMANSUHAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN****Tafsiran**

44. Dalam Bahagian ini, “tarikh yang ditetapkan” ertinya tarikh yang ditetapkan di bawah subseksyen 1(2) bagi permulaan kuat kuasa Bahagian VIII.

Pemansuhan Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971

45. Pada tarikh yang ditetapkan, Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 dimansuhkan.

Kecualian dan peralihan

46. (1) Apa-apa permohonan, kelulusan, arahan, keputusan, syor, spesifikasi, notis atau perbuatan atau perkara lain yang dikeluarkan, dibuat atau dilakukan di bawah Akta yang dimansuhkan dan berkuat kuasa atau mempunyai kesan sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan, hendaklah disifatkan telah dikeluarkan, dibuat atau dilakukan di bawah Akta ini, dan hendaklah terus kekal berkuat kuasa dan mempunyai kuat kuasa berhubung dengan orang yang baginya ia terpakai sehingga dipinda atau digantikan.

(2) Apa-apa permohonan, kelulusan atau keputusan di bawah Akta yang dimansuhkan yang belum selesai sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, diuruskan oleh Lembaga di bawah Akta ini.

(3) Pemansuhan Akta yang dimansuhkan mahupun apa-apa yang terkandung dalam Akta ini tidak akan menjejaskan liabiliti mana-mana orang untuk didakwa atau dihukum bagi kesalahan yang dilakukan di bawah Akta yang telah dimansuhkan sebelum

tarikh yang ditetapkan, atau apa-apa prosiding yang dibawa atau hukuman yang dikenakan sebelum tarikh itu berhubung dengan kesalahan itu.

(4) Tertakluk kepada Akta ini, mana-mana prosiding jenayah atau sivil, atau kausa tindakan oleh atau terhadap Kerajaan atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Kerajaan, yang belum selesai atau yang sedia ada sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan berhubung dengan Akta yang dimansuhkan boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Lembaga sebagaimana ia diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Kerajaan atau orang itu seolah-olah Akta ini tidak diperbuat.

(5) Apa-apa rayuan yang dibuat atau apa-apa kebenaran untuk merayu yang dipohon pada atau selepas tarikh yang ditetapkan terhadap suatu keputusan yang diberikan dalam apa-apa prosiding undang-undang yang Kerajaan menjadi pihak berhubung dengan Akta yang dimansuhkan sebelum tarikh yang ditetapkan boleh dibuat oleh atau terhadap Lembaga.

Pemindahan dana

47. Pada tarikh yang ditetapkan, wang yang tersedia sebagai kredit Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua kepada Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] hendaklah dipindahkan ke dalam Kumpulan Wang.

HURAIAN

Akta Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015 yang dicadangkan (“Akta yang dicadangkan”) bertujuan untuk menubuhkan suatu pertubuhan perbadanan dengan nama “Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam” (“Lembaga”), untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Akta yang dicadangkan memansuhkan Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 [*Akta 42*]. Lembaga akan mengambil alih fungsi Bahagian Pinjaman Perumahan, Kementerian Kewangan.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I Akta yang dicadangkan memperkatakan perkara permulaan.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan atau Bahagian yang berlainan Akta yang dicadangkan ini.

Fasal 2 mengandungi takrif perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN II

3. Bahagian II Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penubuhan Lembaga termasuk fungsi dan kuasanya.

Fasal 3 bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai penubuhan Lembaga sebagai suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun dan mempunyai meterai perbadanan.

Fasal 4 mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan peletakhakan pada Lembaga semua harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti Kerajaan yang dinyatakan oleh Menteri dalam perintah yang disiarkan dalam *Warta* yang berhubungan dengan pentadbiran pinjaman di bawah Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan.

Fasal 5 bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai meterai perbadanan Lembaga dan cara yang meterai itu hendaklah digunakan dan disimpan.

Fasal 6 dan *7* bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai fungsi dan kuasa Lembaga.

Fasal 8 bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai pelantikan anggota Lembaga termasuk pelantikan Timbalan Pengerusi, dan kriteria bagi keanggotaan Lembaga.

Fasal 9 menyatakan tempoh jawatan anggota Lembaga yang dilantik di bawah perenggan 8(1)(e) dan (f) Akta yang dicadangkan.

Fasal 10 bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai elaun yang dibayar kepada anggota Lembaga.

Fasal 11 mengandungi peruntukan mengenai pembatalan dan peletakan jawatan anggota Lembaga yang dilantik di bawah perenggan 8(1)(e) dan (f) Akta yang dicadangkan.

Fasal 12 mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan mesyuarat dan tatacara Lembaga. Mesyuarat Lembaga hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi atau, semasa ketiadaan Pengerusi, Timbalan Pengerusi. *Fasal* ini juga menyatakan bahawa korum mesyuarat Lembaga ialah lima orang dan terdiri

daripada sekurang-kurangnya dua anggota Lembaga yang dilantik di bawah perenggan 8(1)(b), (c) dan (e) tidak termasuk Timbalan Pengerusi sekiranya mesyuarat dipengerusikan oleh Timbalan Pengerusi, dan seorang anggota Lembaga yang dilantik di bawah perenggan 8(1)(f). Keputusan Lembaga hendaklah diterima pakai melalui undi majoriti mudah anggota yang hadir dan mengundi, dan dalam hal bilangan undi yang sama banyak, pengerusi mesyuarat hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya. Sesuatu ketetapan dikira sebagai telah dibuat oleh Lembaga sekiranya semua anggota telah dimaklumkan sewajarnya mengenai ketetapan yang dicadangkan itu dan menandakan persetujuan dengan ketetapan itu.

Fasal 13 mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penubuhan jawatankuasa oleh Lembaga sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Lembaga untuk membantunya dalam pelaksanaan fungsi dan perjalanan kuasanya. *Fasal* ini turut mengandungi peruntukan mengenai pelantikan dan pembatalan pelantikan anggota jawatankuasa, elaun yang dibayar kepada anggota jawatankuasa dan bahawa jawatankuasa hendaklah tertakluk kepada, dan bertindak mengikut, apa-apa arahan yang diberikan oleh Lembaga.

Fasal 14 menyatakan hal keadaan yang menyebabkan jawatan anggota Lembaga yang dilantik di bawah perenggan 8(1)(e) dan (f) dan pelantikan anggota jawatankuasa yang bukan anggota Lembaga menjadi kosong.

Fasal 15 bertujuan untuk membenarkan Lembaga dan jawatankuasa untuk mengundang mana-mana orang lain untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Lembaga atau jawatankuasa bagi maksud menasihati Lembaga atau jawatankuasa tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

Fasal 16 mengandungi peruntukan yang menghendaki anggota Lembaga atau mana-mana jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mesyuarat Lembaga atau jawatankuasa untuk menzahirkan kepentingannya dalam apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Lembaga atau jawatankuasa.

Fasal 17 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang dijalankan di bawah Akta yang dicadangkan boleh dipersoal atas alasan bahawa terdapat apa-apa kekosongan dalam keanggotaan atau terdapat apa-apa kecacatan dalam penubuhan Lembaga atau jawatankuasa, atau terdapat apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

BAHAGIAN III

4. Bahagian III Akta yang dicadangkan memperkatakan pekerja Lembaga.

Fasal 18 bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai pelantikan, kewajipan dan tanggungjawab Ketua Pegawai Eksekutif. *Fasal* ini secara spesifik mengadakan peruntukan mengenai kriteria bagi pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif. *Fasal* ini juga memberi Menteri kuasa untuk melantik secara sementara mana-mana pekerja Lembaga untuk melaksanakan kewajipan Ketua

Pegawai Eksekutif jika jawatan Ketua Pegawai Eksekutif kosong atau apabila Ketua Pegawai Eksekutif tidak hadir bertugas atau tidak dapat melaksanakan kewajibannya.

Fasal 19 memberi Lembaga kuasa untuk mengambil kerja apa-apa bilangan pekerja sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Lembaga bagi menjalankan maksud Akta yang dicadangkan.

Fasal 20 membenarkan Lembaga untuk menentukan syarat perkhidmatan pekerjaannya dan mengadakan peruntukan bahawa Lembaga hendaklah mempunyai kuasa dan kawalan tatatertib terhadap pekerjaannya. Bagi maksud ini, Lembaga boleh menetapkan peraturan-peraturan untuk mengadakan peruntukan mengenai kelakuan dan tatatertib pekerjaannya.

BAHAGIAN IV

5. Bahagian IV Akta yang dicadangkan memperkatakan kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam.

Fasal 21 bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat dasar mengenai kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam dan Lembaga hendaklah melaksanakan dasar itu.

Fasal 22 bertujuan untuk memastikan bahawa wang yang mencukupi diperuntukkan bagi maksud kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam untuk memenuhi permintaan orang yang layak yang diluluskan. Wang yang diperuntukkan itu hendaklah diluluskan oleh Menteri.

Fasal 23 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam hendaklah diberikan kepada orang yang layak yang diluluskan atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Menteri. Kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam boleh diberikan bagi maksud, antara lain, pembelian rumah kediaman yang telah siap dan pembelian tanah bagi maksud pembinaan rumah kediaman. Kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam juga diberikan bagi maksud pengubahsuaian rumah kediaman dengan syarat bahawa pembelian atau pembinaan rumah kediaman itu telah dibiaya atau diselesaikan melalui kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam. Bagi maksud *fasal* ini, “rumah kediaman” termasuklah sesuatu bangunan atau tenemen yang sepenuhnya atau sebahagian besarnya digunakan, dibina atau disesuaikan untuk kegunaan bagi kediaman manusia. *Fasal* ini juga menyatakan mengenai orang yang layak.

Fasal 24 bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai kewajipan Lembaga untuk menyimpan dan menyenggara rekod mengenai kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam yang diberikan kepada orang yang layak yang diluluskan.

Fasal 25 bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai tanggungjawab Lembaga untuk memungut dan mendapatkan bayaran balik kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam. Lembaga boleh memungut dan mendapatkan bayaran

balik kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam melalui potongan gaji, pencen dan faedah persaraan dengan memberikan notis secara bertulis mengenai pemotongan itu kepada majikan orang yang layak yang diluluskan. Hendaklah menjadi kewajipan majikan orang yang layak yang diluluskan yang diberikan notis untuk memotong apa-apa amaun wang sebagaimana yang dimaklumkan oleh Lembaga, daripada gaji atau pencen orang yang layak yang diluluskan. Bagi maksud mendapatkan bayaran balik kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam, bayaran balik itu hendaklah mendapat hak keutamaan daripada apa-apa potongan lain tetapi sebaik selepas potongan untuk apa-apa hutang yang kena dibayar dan terhutang oleh orang yang layak yang diluluskan kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, amaun cukai yang ditaksir di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan semua amaun yang kena dibayar berkenaan dengan caruman yang kena dibayar di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan persaraan atau kumpulan wang simpanan pekerja atau di bawah mana-mana skim persaraan atau faedah persaraan yang merupakan suatu skim yang diluluskan di bawah undang-undang persekutuan yang berhubungan dengan cukai pendapatan.

BAHAGIAN V

6. Bahagian V Akta yang dicadangkan memperkatakan peruntukan kewangan.

Fasal 26 bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai penubuhan “Kumpulan Wang Kemudahan Pembiayaan Perumahan Sektor Awam” (“Kumpulan Wang”).

Fasal 27 bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang.

Fasal 28 bertujuan untuk menghendaki Ketua Pegawai Eksekutif membentangkan di hadapan Lembaga suatu anggaran perbelanjaan Lembaga termasuk perbelanjaan modal tidak lewat daripada satu bulan sebelum bermulanya setiap tahun kewangan.

Fasal 29 bertujuan untuk menghendaki Lembaga membuka dan menyenggara akaun atau akaun-akaun dengan mana-mana bank yang difikirkannya patut.

Fasal 30 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] akan terpakai bagi Lembaga.

Fasal 31 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa Lembaga hendaklah menentukan tatacara kewangannya sendiri dan boleh menerima pakai dengan apa-apa ubah suaian yang difikirkannya patut mana-mana peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, dasar, pekeliling dan arahan yang dibuat atau dikeluarkan oleh Kerajaan mengenai tatacara kewangan.

BAHAGIAN VI

7. Bahagian VI Akta yang dicadangkan memperkatakan kuasa tambahan Lembaga.

Fasal 32 memberikan Lembaga kuasa, dengan kelulusan Menteri terlebih dahulu, untuk meminjam pada apa-apa kadar faedah dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma tentang masa dan kaedah pembayaran balik dan selainnya sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri, apa-apa wang yang diperlukan oleh Lembaga bagi memenuhi mana-mana obligasinya atau menjalankan mana-mana fungsinya.

Fasal 33 membenarkan Lembaga untuk melabur dengan kebenaran Menteri.

Fasal 34 membenarkan Lembaga, dengan kelulusan Menteri, untuk menubuhkan dan mendapatkan apa-apa perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dan Akta Syarikat Amanah 1949 [*Akta 100*] yang perlu bagi maksud mendapatkan dana, dengan syarat bahawa perbadanan yang ditubuhkan atau didapatkan oleh Lembaga dilarang daripada menubuhkan subsidiari perbadanan.

BAHAGIAN VII

8. Bahagian VII Akta yang dicadangkan memperkatakan peruntukan am.

Fasal 35 bertujuan untuk membenarkan Lembaga mewakili fungsi dan kuasanya, selain kuasanya untuk meminjam wang dan mendapatkan dana kepada Pengerusi atau anggota Lembaga yang lain, suatu jawatankuasa atau seorang pekerja Lembaga.

Fasal 36 bertujuan untuk membenarkan Menteri untuk memberi Lembaga arahan yang bersifat am yang selaras dengan Akta yang dicadangkan yang berhubungan dengan pelaksanaan fungsi dan penjalanan kuasa Lembaga dan Lembaga hendaklah melaksanakan arahan itu.

Fasal 37 bertujuan untuk menghendaki Lembaga memberi kepada Menteri apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat lain yang dikehendaki oleh Menteri dari semasa ke semasa. Penyata, laporan, akaun dan maklumat lain itu hendaklah dalam apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa butir yang berhubungan dengan prosiding dan dasar Lembaga dan apa-apa perkara lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

Fasal 38 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa prosiding terhadap Lembaga atau mana-mana anggota Lembaga, jawatankuasa, pekerja atau ejen Lembaga.

Fasal 39 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa semua anggota Lembaga dan jawatankuasa dan pekerja Lembaga, semasa menunaikan kewajipan mereka di bawah Akta yang dicadangkan, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Fasal 40 bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai perwakilan dalam prosiding sivil oleh atau terhadap Lembaga.

Fasal 41 menghendaki mana-mana anggota Lembaga atau jawatankuasa, atau mana-mana pekerja atau ejen Lembaga, atau mana-mana orang yang menghadiri mana-mana mesyuarat Lembaga atau jawatankuasa, atau mana-mana orang lain yang atas apa-apa sebab mempunyai, mengikut apa-apa cara, akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal Lembaga untuk menjaga kerahsiaan. Seseorang yang melanggar *fasal* ini melakukan kesalahan.

Fasal 42 bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai kesahan perbuatan yang dilakukan pada menjangkakan pembuatan Akta yang dicadangkan.

Fasal 43 bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

BAHAGIAN VIII

9. Bahagian VIII Akta yang dicadangkan mengadakan peruntukan pemansuhan, kecualian dan peralihan.

Fasal 44 bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai tafsiran “tarikh yang ditetapkan”.

Fasal 45 bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai pemansuhan Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971.

Fasal 46 mengandungi peruntukan kecualian dan peralihan.

Fasal 47 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa wang yang tersedia sebagai kredit Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua kepada Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] hendaklah dipindahkan ke dalam Kumpulan Wang pada tarikh yang ditetapkan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan pada masa ini.

[PN(U2) 2950]